membayar kepada tuan-tuan tanah sebelum plaintif wang untuk kebenaran menduduki tanah itu. Sebaik sahaja tahun 1991 tamat, plaintif terus memberi notis menghendaki defendan keluar dari tanah itu tanpa pampasan. Sekarang mereka mahukan Mahkamah ini memerintahkan defendan keluar tanpa pampasan dan tanpa perbicaraan!

Atas alasan yang saya telah berikan di atas saya dapat ini bukanlah satu kes yang sesuai untuk diberi penghakiman ingkar kerana ada persoalan-persoalan, fakta dan undang-undang, yang patut dibicarakan.

Permohonan ini ditolak. Defendan diberi kebenaran untuk membela tindakan ini. Kos kepada defendan.

NG HOCK MENG

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
TUAN MOHD HISHAMUDIN BIN MOHD YUNUS PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 41-415-91]
9 FEBRUARI 1993

PROSEDUR JENAYAH: Pertuduhan di bawah s. 7(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 - Milikan dua bilah sabit - Sabit bukan senjata dijadualkan - Rayuan terhadap hukuman - Sama ada Hakim boleh menggunakan kuasa penyemakan di bawah s. 325 Kanun Prosedur Jenayah untuk meminda pertuduhan.

Perayu telah dipertuduh memiliki, tanpa kegunaan yang sah, dua bilah sabit, satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah s. 7(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 (Akta tersebut). Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dan dihukum. Perayu telah merayu keatas hukumannya.

Semasa perbicaraan rayuan, Timbalan Pendakwa Raya telah menerangkan bahawa pertuduhan serta sabitan yang diperintahkan oleh Majistret di bawah s. 7(1) Akta tersebut adalah satu kesilapan kerana sabit bukanlah satu senjata dijadualkan seperti yang dikehendaki oleh peruntukan seksyen itu. Beliau seterusnya memohon supaya Mahkamah meminda pertuduhan terhadap perayu dengan menggantikan perkataan "s. 7(1)" dengan perkataan "s. 6(1)" dan seterusnya menjatuhkan hukuman yang sewajarnya di bawah s. 6(1) Akta tersebut.

Diputuskan:

[1] Mahkamah mempunyai kuasa penyemakan ke atas kes ini dan Mahkamah seharusnya menggunakan kuasa ini memandangkan bahawa perayu telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan rayuannya ke atas sabitannya sedangkan sabitannya tidak disokong oleh keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebab tidak adanya bukti yang menunjukkan bahawa dia membawa atau terdapat dalam miliknya di tempat dan pada masa yang dinyatakan dalam pertuduhan suatu senjata dijadualkan.

[2] Namun demikian Mahkamah, dalam menjalankan kuasa penyemakan, tidak mempunyai kuasa untuk meminda pertuduhan itu.

[3] Berasaskan hal keadaan kes ini tindakan yang wajar diambil ialah dengan membuat perintah bahawa sabitan ke atas perayu hendaklah dibatalkan, apa-apa hukuman atau perintah hendaklah diketepikan, dan apa-apa denda, jika telah dibayar, hendaklah dipulangkan kepada perayu.

[Perintah sewajarnya].

Kes-kes yang dirujuk:
Yoong Hock Pin lwn. Public Prosecutor [1977] 1 MLJ 178 ***(dirujuk)***
Wee Toon Boon lwn. Public Prosecutor [1976] 2 MLJ 191 ***(dirujuk)***

Akta-akta yang dirujuk:
Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958, ss. 6(1), 7(1), Jadual Kedua
Kanun Prosedur Jenayah, s. 325

Bagi pihak perayu - Perayu hadir sendirian
Bagi pihak pendakwa raya - Tun Abdul Majid bin Tun Hamzah, TPR

ALASAN PENGHAKIMAN

Mohd Hishamudin bin Mohd Yunus PK:
Di dalam kes ini pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 13/9/91 jam lebih kurang 1.15 petang bertempat di Jalan Desa Rantau dalam Daerah Sentul dalam Wilayah Perseketuan, Kuala Lumpur, telah didapati ada dalam milik kamu tanpa kegunaan yang sah dua bilah sabit.Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 7(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 (Akta 357).

Di Mahkamah Majistret, perayu tidak mengaku salah dan minta dibicarakan. Di akhir perbicaraan, yang arif Majistret telah mendapati perayu bersalah. Perayu disabitkan dan dihukum denda RM2000 atau, jika tidak di bayar, dua bulan penjara. Perayu juga dihukum penjara 24 bulan diikuti dengan satu tahun pengawasan polis.

Perayu merayu ke atas sabitan dan hukuman. Di permulaan pembicaraan rayuan ini, perayu telah memberitahu Mahkamah bahawa dia tidak bercadang hendak meneruskan rayuannya ke atas sabitan: dia cuma merayu ke atas hukuman sahaja. Dia merayu supaya hukumannya diringankan.

Semasa pembicaraan rayuan ini, yang arif Timbalan Pendakwa Raya telah membawa kepada perhatian saya bahawa pertuduhan serta sabitan yang diperintahkan oleh yang arif Majistret di bawah s. 7(1) Akta tersebut adalah suatu kesilapan kerana sabit bukanlah suatu senjata dijadualkan. Kesalahan yang diperuntukan di bawah s. 7(1) Akta berkenaan ialah kesalahan memiliki senjata dijadualkan. Mengikut beliau, tertuduh sepatutnya didakwa di bawah s. 6(1) Akta tersebut. Seksyen 6(1) Akta yang sama menyatakan:

> 6(1) Mana-mana orang yang membawa atau ada dalam mllikannya atau di bawah kawalannya dl mana-mana jalan atau tempat awam apa-apa senjata berbahaya kecuali dengan kebenaran yang sah atau bagi maksud yang sah, adalah melakukan suatu kesalahan dan apablla disabitkan boleh dipenjara untuk satu tempoh tidak melebihi dua tahun dan disebat.

Beliau memohon supaya saya meminda pertuduhan supaya perkataan "s. 7(1)" yang terdapat dalam pertuduhan digantikannya dengan perkataan "s. 6(1)" dan kemudiannya menjatuhkan hukuman yang sewajarnya di bawah s. 6(1). Beliau berhujah bahawa ini boleh dilakukan oleh saya berasaskan kuasa penyemakan Hakim di bawah s. 325 Kanun Prosedur Jenayah.

Saya berpendapat bahawa saya mempunyai kuasa penyemakan ke atas kes ini dan saya seharusnya menggunakan kuasa tersebut untuk menyemak kes ini memandangkan bahawa perayu telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan rayuannya ke atas sabitannya sedangkan sabitannya tidak disokong oleh keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebab tidak adanya bukti yang menunjukkan bahawa dia membawa atau terdapat dalam miliknya di tempat dan pada masa yang dinyatakan dalam pertuduhan suatu senjata dijadualkan. Mengikut pertuduhan dan keterangan saksi pendakwa, apa yang didapati berada dalam milik tertuduh ialah dua bilah sabit. Tetapi, sepertimana yang telah diterangkan oleh yang arif Timbalan Pendakwa Raya, sabit bukanlah suatu senjata yang disenaraikan dalam Jadual Kedua Akta berkenaan dan justeru itu bukanlah suatu senjata dijadualkan. Namun begitu, saya berpendapat bahawa, dalam menjalankan kuasa penyemakan, saya tidak mempunyai kuasa untuk meminda pertuduhan itu. (Sila

rujuk *Yoong Hoc Pin v. Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 178] dan *Wee Toon Boon v. Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 191).

Berasakan hal keadaan kes ini, saya berpendapat bahawa tindakan yang wajar saya ambil (dalam menjalankan kuasa penyemakan) ialah dengan membuat perintah bahawa sabitan ke atas perayu hendaklah dibatalkan, apa-apa hukuman atau perintah hendaklah diketepikan, dan apa-apa denda, jika telah dibayar, hendaklah dipulangkan kepada perayu.

Perintah seperti di atas

ZAINAL ABIDIN BIN OMAR

lwn

TENAGA NASIONAL BHD.

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H
[GS NO. 22-133-92]
3 MEI 1993

INJUNKSI: Permohonan untuk mengekalkan injunksi interlokutori yang diperolehi - Injunksi menghalang defendan menggunakan jalan yang dibina diatas tanah plaintif tanpa kebenaran - Prinsip-prinsip yang terpakai dalam permohonan untuk injunksi - Sama ada terdapat satu soalan berat untuk dibicarakan - Sama ada jika plaintif tidak diberi injunksi ia akan mengalami kerugian lebih daripada kerugian langsung kewangan - Sama ada gantirugi adalah memadai untuk memampas defendan bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh pemberian injunksi - Perbandingan kepada kesusahan yang mungkin berlaku kepada plaintif dan defendan dan perhatian kepada imbangan kemudahan.

Plaintif telah memperolehi suatu injunksi *ex parte* menghalang defendan menggunakan jalan yang telah dibina diatas tanah yang dimiliki oleh plaintif. Defendan telah membina jalan tersebut bagi tujuan memberikan akses kepada Setor dan Kuartersnya bagi Daerah Kuala Pilah yang dibina diatas tanah defendan sendiri.

Soalan yang timbul ialah sama ada dengan memakai prinsip-prinsip dalam kes *American Cynamid lwn. Ethicon Ltd.* [1975] AC 396, injunksi tersebut patut dikekalkan atau diketepikan.

Diputuskan:

[1] Adalah diakui oleh kedua-dua pihak bahawa plaintif memang sudah menunjukkan suatu soalan berat untuk dibicarakan. Namun demikian plaintif telah gagal menunjukkan bahawa beliau akan mengalami kerugian lebih dari kerugian langsung kewangan jika injunksi tidak diberikan kepadanya.

[2] Melihat kedudukan plaintif daripada keterangan yang dibentangkan, plaintif tidak mempunyai daya untuk memampas gantirugi defendan sekiranya defendan menang.

[3] Sekiranya defendan dihalang daripada menggunakan jalan tersebut yang telah siap dibina, maka barang-barang letrik tidak dapat dihantar atau dikeluarkan daripada setor